



SEBUT HARGA

**CADANGAN PELAWAAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN
KERJA-KERJA PENANGKAPAN ANJING LIAR DALAM KAWASAN
PUTRAJAYA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

SEBUT HARGA BIL : PPj/SH(S)/JP/9/2022

KERJA/PERKHIDMATAN

- PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN ANJING LIAR DALAM KAWASAN PUTRAJAYA.



TEMPOH DUA (2) TAHUN
(2022-2024)

LOKALITI TERLIBAT


- SELURUH KAWASAN PUTRAJAYA**
- BERDASARKAN ARAHAN KERJA DARIPADA PERBADANAN PUTRAJAYA**

PERUMAHAN

KAWASAN AWAM

LAIN-LAIN KAWASAN YANG DIARAHKAN

PECAHAN KAWASAN MENGIKUT PRESINT



WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

SKOP KERJA

1. Skop kerja utama seperti yang dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti adalah seperti berikut:
 - a) Kehendak permulaan dan Syarat-Syarat Am (*preliminaries*) termasuk pengangkutan pekerja (4 orang), peralatan dan bahan (ubat pelalian dan setaranya), pelaksanaan operasi penangkapan dan pelupusan anjing liar setelah siap kerja-kerja tersebut.

SKOP KERJA

2. Kontraktor perlu menjalankan kerja-kerja perkhidmatan penangkapan dan pelupusan anjing liar dengan:
 - a) Menyedia dan menggunakan peralatan yang berkaitan perkhidmatan kerja-kerja tersebut
 - b) Menjalankan operasi penangkapan dan pelupusan anjing liar sepetimana dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti serta kawasan yang diarahkan oleh Perbadanan Putrajaya.
3. Perkhidmatan kerja-kerja penangkapan dan pelupusan anjing liar perlu dilakukan dengan kerja rutin 3 hari seminggu dalam tempoh sebulan serta mengikut arahan Perbadanan Putrajaya dari masa ke semasa.

SKOP KERJA

4. Laporan lengkap kerja-kerja (bergambar) perlu dikemukakan kepada Perbadanan Putrajaya pada setiap bulan sepanjang tempoh kontrak.

5. Melakukan kerja-kerja rondaan dan pemantauan untuk mengesan kehadiran anjing liar di dalam kawasan Putrajaya mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan dan arahan yang akan dikeluarkan oleh Perbadanan Putrajaya dari masa ke semasa.

6. Merancang strategi dan kaedah penangkapan yang akan digunakan bersesuaian dengan keadaan lokasi, persekitaran dan anjing yang hendak ditangkap.

SKOP KERJA

7. Menjalankan aktiviti penangkapan semua anjing yang telah dikenalpasti berkeliaran di mana-mana kawasan awam, premis awam dan mana-mana kawasan persendirian yang mana telah di perolehi kebenaran memasukinya.

8. Mengambil gambar bagi setiap anjing yang ditangkap sebagai bukti tangkapan untuk disahkan oleh wakil Perbadanan Putrajaya.

SKOP KERJA

9. Menghantar anjing yang ditangkap ke Doktor Veterinar untuk pelupusan, dan semua pelupusan hendaklah dibuat mengikut kaedah yang dibenarkan/diluluskan. Bagi kontraktor yang mempunyai Doktor Veterinar sendiri, pelupusan anjing yang ditangkap boleh dibuat sendiri. Kerja-kerja pelupusan termasuklah penghantaran ke tapak pelupusan yang dibenarkan.

10. Menyediakan laporan bulanan mengenai aktiviti pemantauan, penangkapan, dan pelupusan yang dijalankan.

11. Menyediakan invois dan penyata tuntutan bayaran bagi setiap bulan.

MASA/KEPERLUAN

- Masa kerja oleh kontraktor adalah fleksibel samada disebelah siang atau malam, berterusan atau tidak berterusan mengikut kesesuaian di perlukan tetapi jumlah masa kerja dalam satu hari hendaklah tidak kurang daripada 8 jam.

PEMANTAUAN DAN PENYELENGGARAAN

1. Kontraktor hendaklah memastikan bahawa mana-mana peralatan (perangkap) yang tidak berada dalam kedudukan yang betul dinaikkan atau dibetulkan semula dengan serta merta.
2. Setiap perangkap dan lain-lain peralatan milik Perbadanan Putrajaya yang digunakan perlu direkodkan dan disahkan untuk tujuan keselamatan.
3. Pihak kontraktor dikehendaki memantau/menyelenggara perangkap dan lokasi kehadiran anjing liar dari masa ke semasa sepanjang tempoh yang akan ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya.

PEMANTAUAN DAN PENYELENGGARAAN

5. Kontraktor juga dikehendaki menentukan keselamatan peralatan yang dibekalkan dan hendaklah menggantikannya dengan perbelanjaan sendiri sekiranya didapati hilang atau rosak atas sebab-sebab kecuaian kontraktor sendiri.
6. Kontraktor juga tidak dibenarkan meminjamkan atau menyewakan peralatan tersebut kepada pihak lain melainkan telah mendapat arahan atau persetujuan daripada Perbadanan Putrajaya.
7. Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut, Kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan, bahan racun dan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan tidak membahayakan samada kepada pekerjanya atau orang awam.

PEKERJA YANG TIDAK MEMUASKAN

Perbadanan Putrajaya pada bila-bila masa mempunyai budi bicara meminta mana-mana pekerja Kontraktor diberhentikan kerja jika didapati pekerja berkenaan tidak sesuai bekerja dengan Kontraktor atau merosakkan imej Perbadanan Putrajaya. Pekerja-pekerja Kontraktor yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat Undang-Undang Buruh Malaysia yang berkuatkuasa daripada semasa ke semasa.

KECEDERAAN/KEMALANGAN

Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan atau sebarang tuntutan ganti rugi seperti kemalangan, kecederaan, kerosakan dan kemusnahan ke atas pekerja-pekerja pihak Kontraktor atau orang awam.

KAEDAH PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING LIAR

Kontraktor perlu menggunakan kaedah penangkapan dan pelupusan anjing liar yang mana difikirkan sesuai dan tidak membahayakan orang awam.

TEMPOH LANTIKAN

Tempoh lantikan ini adalah selama dua (2) tahun. Pihak Perbadanan berhak untuk melanjutkan/ membatalkan tempoh lantikan mengikut budi bicara bermula daripada tarikh lantikan.

**SEKIAN
TERIMA KASIH**

